

# Lambang memartabatkan karya UA

## ► Pelancaran Laman Merpati Putih martabatkan sasterawan negara

4B 7.6.2016 B5

Oleh SADDAM EDRIIS

**M**EMETIK puisi sasterawan negara Usman Awang (UA), 'Merpati putih, jelajahlah dunia ini hembuskan udara baru yang kau hirup dari malam', memberi ilham buat pelajar jurusan Seni Kreatif Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FSKW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk melancarkan Laman Merpati Putih yang sebelum ini dikenali Laman Pak Utih.

Laman Merpati Putih yang bertempat di balkoni Blok Seni FSKW itu tetap utuh sebagai lambang kedamaian dalam memartabatkan karya UA dan menjadi simbol kejayaan menghimpunkan tiga kluster utama blok seni iaitu Seni Visual, Seni Kreatif dan Seni Muzik.

Berkesinambungan dengan itu, laman berkenaan kini diperbaharui dengan pembinaan Arca 'Merpati Putih' hasil pembincangan dan persetujuan bersama antara Pensyarah Program Seni yang diketuai oleh

Dr Humin Jusilin bersama kumpulan mahasiswa seni visual.

Seterusnya, satu majlis meraikan kejayaan itu disambut dengan penuh meriah bersama alunan puisi hasil karya-karya penulisan para sasterawan negara dan juga penulis tempatan.

Penyelaras Laman Arca Profesor Siti Zainon Ismail berkata majlis pelancaran Laman Merpati Putih itu dirai bersamaan dengan usia penubuhan UMS yang mencecah 22 tahun.

"Hari ini, kita mengenangkan jasa sasterawan negara Usman Awang sebagai pusat ilmu yang kita gali dan sebagai pelajar, karya-karya seumpama ini harus kita persembahkan.

"Majlis penghargaan melalui pembinaan Merpati Putih ini amat bertepatan dan ia tidak akan sempurna tanpa sokongan semua pihak," katanya.

Zainon berkata hasil karya UA itu bukan hanya dipelajari oleh mahasiswa untuk tujuan penyelidikan tetapi, ia turut digunakan oleh Dewan Bahasa



**MUHAMMAD** (kanan) menyampaikan cendera kenangan berupa gambar Usman Awang kepada Zainon (kiri) pada majlis berkenaan.



**SESI** menandatangani surat niat (LOI) antara UMS dan Yayasan UA yang diwakili No'man (duduk, kiri) bersama Husin Ali (duduk, kanan) pada majlis berkenaan.

dan Pustaka (DBP) bersama Ikatan Penulis Sabah.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada para pelajar yang bertungkus lumus menyempurnakan pelancaran Laman Merpati Putih itu sejak dari Mac lagi.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Usman Awang Dr Syed Husin Ali cukup terpegun dengan sambutan orang ramai yang hadir memeriahkan majlis berkenaan.

Katanya suasana sekitar laman itu juga memperlihatkan keunikan dan keindahan sudut Merpati Putih yang akan sentiasa berterusan menjadi halaman ilmu kepada para pelajar.

"Tempat ini bukan sahaja boleh dijadikan tempat beriadah dan berehat, tetapi boleh dijadikan sudut perbincangan ilmu.



**PENYAMPAIAN** sumbangan daripada Yayasan Usman Awang kepada Persatuan Malim Gunung Kinabalu.

"Justeru, saya berharap tempat ini

bukan hanya untuk warga Melayu tetapi turut dijadikan tempat terbuka untuk dikunjungi oleh semua golongan pelajar di sini," katanya.

Beliau juga amat

bangga kerana hanya UMS sahaja berjaya mengadakan sudut yang kreatif itu dan berharap institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain dapat mencontohi usaha sedemikian.

Perasmi Laman Merpati

Putih, sasterawan negara Profesor Emeritus Dr Muhammad Haji Salleh pula berkata beliau amat kagum dengan kejayaan yang luar biasa itu kerana laman berkenaan tidak ada di kawasan lain selain di UMS.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat merealisasikan Laman Merpati Putih sebagai ruang pembinaan idea baharu untuk melahirkan penulis yang hebat.

Pada majlis berkenaan, turut diadakan sesi pengumpulan karya penulisan para sasterawan negara yang turut mendapat sokongan daripada pihak penerbitan buku seperti DBP dan Institut Penterjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

Hadir sama, Pengarah DBP Hajah Asmiah Haji Ajamain dan Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad.



**PELANCARAN** gimik perasmian Laman Merpati Putih yang disempurnakan oleh Muhammad.



**PENYAMPAIAN** sumbangan lukisan bercorakkan merpati putih oleh salah seorang pelajar jurusan Seni Visual kepada Usman (tiga kiri).



**ARCA** burung merpati putih.



**AHLI** jawatankuasa Laman Merpati Putih yang terdiri daripada pelajar Jurusan Seni Kreatif FSKW UMS merakam gambar kenangan pada majlis berkenaan.